A

SUNDARSHAN GOPALKRISHNAN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
AZMI ARIFFIN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41S-41-06-2013]
13 MAC 2015

B

LALU LINTAS JALAN: *Memandu di bawah pengaruh minuman memabukkan – Tiada kawalan terhadap kenderaan – Sama ada menyebabkan kecederaan terhadap mangsa-mangsa – Minuman bir – Sama ada minuman yang memabukkan – Kelakuan perayu selepas kemalangan – Sama ada diambil kira –*

C

Sama ada perayu memandu dengan kelajuan tidak terkawal – Sama ada elemen-elemen pertuduhan dibuktikan – Hukuman – Sama ada kesalahan serius – Akta Pengangkutan Jalan 1987, s. 44(1)(a)

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Memandu dalam keadaan memabukkan –*

D

Elemen-elemen pertuduhan – Sama ada dibuktikan – Sama ada tindakan perayu menyebabkan kematian si mati dan kecederaan terhadap mangsa-mangsa – Sama ada kesalahan pertama – Sama ada faktor usia dan keadaan keluarga perayu dipertimbangkan – Hukuman setimpal – Akta Pengangkutan Jalan 1987, s. 44(1)(a)

E

Perayu, seorang pemandu sebuah kereta jenis Honda Civic, telah dituduh melakukan satu kesalahan di bawah s. 44(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana memandu keretanya dengan berbahaya sehingga menyebabkan kematian si mati dan kecederaan kepada mangsa-mangsa yang terbabit. Pada hari kejadian, satu sekatan polis di atas jalan raya yang dilalui oleh perayu

F

telah diadakan di mana pihak polis telah menjalankan operasi pemeriksaan terhadap kenderaan-kenderaan yang melalui jalan tersebut. Pihak pendakwaan menegaskan bahawa perayu berada di bawah pengaruh minuman bir, iaitu satu minuman yang memabukkan, sehingga beliau tidak dapat mengawal kenderaannya lalu melanggar kenderaan-kenderaan terbabit dan menyebabkan kematian si mati dan kecederaan terhadap mangsa-

G

mangsa lain. Pihak pembelaan berhujah, antara lain, bahawa (i) perayu tidak memandu di bawah pengaruh alkohol; (ii) perayu telah memandu dengan laju kerana beliau sakit perut dan ingin ke tandas; (iii) peralatan yang digunakan untuk mengesan kehadiran kesan alkohol pada perayu ('EBA-II') tidak mempunyai "lawful authorisation"; dan (iv) tiada peralatan sekatan

H

jalan raya seperti lampu blinker dan papan tanda isyarat sekatan semasa pemeriksaan polis di jalan raya tersebut. Mahkamah Majistret mendapati perayu bersalah dan dihukum empat tahun penjara, denda RM10,000 dan lesen memandu keretanya digantung selama lima tahun. Tidak berpuas hati, perayu merayu ke mahkamah ini. Isu-isu yang dibangkitkan untuk

I

pertimbangan adalah (a) sama ada perayu telah memandu motokarnya di bawah pengaruh minuman yang memabukkan; dan jika begitu (b) sama ada perayu dapat mengawal kenderaannya walaupun beliau dipengaruhi oleh minuman tersebut.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan sabitan dan hukuman):

(1) Bir adalah sejenis minuman yang memabukkan dan perayu berada di bawah pengaruh minuman tersebut. Isu berkaitan tiada "lawful authorisation" berkenaan peralatan EBA-II tidak dibangkitkan oleh perayu di dalam petisyen rayuannya. Meskipun tiada keterangan bahawa peralatan yang diguna pakai ini tidak mendapat "lawful authorisation", namun, ia tidak mencacatkan atau meruntuhkan keterangan kes pendakwaan kerana elemen "lawful authorisation" atas peralatan yang digunakan bukanlah intipati pertuduhan yang perlu dibuktikan. Tambahan, kelakuan perayu selepas kemalangan menunjukkan bahawa beliau berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan. (perenggan 8)

(2) Sekatan jalan raya yang dibuat boleh dilihat dari jarak 200 meter. Namun, keadaan perayu yang dipengaruhi oleh minuman yang memabukkan telah menyebabkan kenderaannya hilang kawalan. Jika kenderaan-kenderaan lain mampu berhenti dengan sempurna semasa sekatan jalan raya tersebut, maka tiada sebab untuk perayu tidak boleh berbuat demikian. Alasan bahawa perayu telah memandu kenderaan dengan laju kerana sakit perut dan ingin ke tandas adalah sesuatu yang sukar diterima. Keterangan ini adalah sengaja direka semata-mata untuk menyelamatkan perayu daripada disabitkan di atas kesalahan ini. (perenggan 8)

(3) Kematian si mati dan kecederaan serius terhadap mangsa-mangsa terbabit disebabkan oleh ketidakupayaan perayu untuk mengawal motokar yang dipandunya dengan laju kerana di bawah pengaruh minuman yang memabukkan. Kelajuannya yang tidak terkawal boleh dilihat daripada kerosakan pada kenderaan-kenderaan yang terbabit di dalam kemalangan tersebut serta kecederaan yang dialami oleh mangsa-mangsa dan kematian si mati. (perenggan 8)

(4) Inferens yang dapat dibuat adalah bahawa pada peringkat permulaan, perayu masih boleh mengawal kenderaannya. Namun, tidak lama selepas itu, kawalan terhadap kenderaannya menjadi semakin longgar dan akhirnya, perayu hilang kawalannya sama sekali disebabkan oleh tindak balas pengaruh minuman yang memabukkan. (perenggan 8)

(5) Sabitan terhadap perayu di bawah s. 44(1)(a) Akta nyata menepati dengan keterangan yang telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Perayu masih muda dan hukuman penjara yang terlalu panjang akan mendatangkan kesan yang negatif pada masa hadapan beliau. Tambahan, perayu mempunyai ibu bapa dan isteri yang memerlukan beliau dan sebaliknya. Kesalahan ini merupakan kesalahan pertama perayu. Namun, hakikat bahawa memandu kenderaan di jalan

raya atas pengaruh minuman yang memabukkan adalah satu kesalahan yang serius. Hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Majistret adalah berpadanan sebagai peringatan dan pengajaran terhadap kesalahan yang telah dilakukan. Keputusan Mahkamah Majistret atas hukuman dikekalkan. (perenggan 8, 12, 13 & 14)

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, s. 32
Road Transport Act 1987, s. 44(1)(a)

Bagi pihak perayu - M Govindaraju; T/n G Raju & Company
Bagi pihak responden - Emma Syafawati Abdul Wahab; TPR

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Azmi Ariffin PK:

Pendahuluan

[1] Sebagai mukadimahnya, ini adalah rayuan perayu di atas keputusan Majistret, Mahkamah Majistret Khas Trafik, Georgetown yang telah diberikan pada 22 Mei 2013 di mana perayu telah didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan di bawah s. 44(1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 333/87 (Pindaan 2000) dan perayu dikenakan hukuman penjara empat tahun mulai dari tarikh jatuh hukum, denda RM10,000 dan penggantungan lesen memandu kereta selama lima tahun.

[2] Pada 22 Mei 2013, perayu telah memfailkan rayuan terhadap sabitan dan hukuman.

Pertuduhan

[3] Perayu telah dituduh dengan pertuduhan pindaan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 24.6.2010 jam lebih kurang 4.30 pagi di Jalan Masjid Negeri di dalam Daerah Timur Laut, di dalam Negeri Pulau Pinang, sebagai pemandu motokar jenis Honda Civic, No. Pendaftaran WFE 2710 telah memandu motokar tersebut di atas jalanraya di atas pengaruh minuman yang memabukkan hingga menyebabkan tak terdaya mengawal kenderaan itu dengan sepatutnya sehingga menyebabkan kematian M. Muniandy a/l S. Muthu (K/P: 45-6-71-5085) dan kecederaan Raja Rosasnizam bin Roslan @ Raja Roslan (K/P: RF 161618) maka dengan itu, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 44 (1) (a) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2000) dan boleh di hukum di bawah seksyen yang sama.

Keterangan Di Peringkat Pendakwaan

[4] Pihak pendakwaan telah memanggil 13 orang saksi untuk membuktikan kesnya di peringkat pendakwaan. Di antaranya adalah seperti berikut:

1. SP1

Merupakan anggota polis yang telah menerima makluman dari bilik gerakan dan beliau telah membuat laporan polis yang ditandakan sebagai eks. P1

2. SP2 (Saksi Awam)

SP2 adalah penunggang motosikal PJD 7121 bersama seorang pemboncengnya iaitu Nur Nadira binti Nasir Khan.

SP2 mengatakan bahawa semasa kejadian dia diarahkan berhenti di mana terdapat sekatan jalan raya. Di sana SP2 telah melihat seorang lelaki India tua yang memberhentikan motosikal di bahu kiri jalan dan diperiksa oleh anggota polis. SP2 juga diperiksa oleh pihak polis.

SP2 menyatakan terdapat juga sebuah kereta Naza Forte yang sedang berhenti di sebelah kanan dan di hadapan Naza Forte tersebut terdapat sebuah lagi kenderaan yang diperiksa oleh polis.

SP2 mengatakan semasa diperiksa, dia terdengar geseran tayar yang kuat dari arah belakang dan nampak sebuah kereta Honda Civic warna merah maroon dari arah belakang ke hadapan.

Kereta Honda itu tidak sempat membrek dan telah melanggar Naza Forte di bahagian kiri belakang. Selepas itu kereta Honda tersebut telah tidak dapat dikawal lalu melanggar motosikal yang berada di hadapan beliau.

Kereta Honda juga telah berpusing dan telah melanggar seorang anggota polis. Orang tua yang dilanggar itu berada di bahu jalan manakala polis tersebut melambung dan jatuh di atas rumput di hadapan stesyen minyak.

Pembonceng yang bersama SP2 telah tercedera sedikit akibat serpihan pecahan bumper kereta Honda tersebut.

3. SP3 (Anak Simati)

Adalah anak kepada M. Muniandy a/l S Muthu (si mati). Beliau telah mengecam sijil kematian dan gambar si mati.

Beliau juga telah pergi ke Hospital Besar Pulau Pinang untuk melihat ayahnya dan ayahnya telah dipindahkan ke Penang Adventist Hospital dan telah meninggal dunia di sana.

Si mati kemudiannya telah dibawa ke Hospital Besar Pulau Pinang semula untuk bedah siasat dilakukan.

4. SP4 (Anggota Polis/Mangsa Kemalangan)

Mengikut SP4 pada 24 Jun 2010, sekatan jalan raya telah diadakan di Jalan Masjid Negeri yang berhadapan dengan Restoran McDonald dan Stesyen Minyak Shell.

Semasa SP4 sedang membuat pemeriksaan ke atas sebuah motosikal, beliau terdengar bunyi seretan tayar dan brek tayar. Bunyi adalah kuat sehingga beliau memandang ke arah bunyi tersebut.

Apabila beliau menoleh ke kiri ke arah bunyi itu beliau mendapati kereta Honda warna maroon datang dengan laju ke arahnya di dalam keadaan menyenget dan beliau nampak pintu kereta sebelah kiri bahagian kiri badan kereta tersebut.

Selepas itu SP4 telah dilanggar dan beliau telah tidak sedar diri. Beliau hanya sedar selang satu hari selepas itu.

SP4 mengalami patah tangan sebelah kiri, 4 rusuk kiri patah, 1 rusuk kanan patah, paru-paru kiri cedera akibat tercucuk tulang rusuk yang patah, bahu kiri retak, otot lutut kiri terkoyak dan kecederaan calar di seluruh badan terutama di bahagian kiri.

(Nota: Mahkamah Majistret di dalam pemerhatiannya mendapati bahawa tangan SP4 masih dipasang besi walaupun sudah lebih setahun kemalangan berlaku).

5. SP5 (Penyelia OPS Bayan)

SP5 di dalam keterangannya menyatakan sekatan bermula pada 24 Jun 2010 jam 4.00 pagi.

Kawasan tersebut adalah terang di mana terdapat lampu jalan raya, lampu di Stesyen Minyak Shell dan lampu di Restoran McDonald. Cuaca pada pagi itu juga adalah baik.

SP5 menjelaskan terdapat papan tanda "Awas Pemeriksaan Polis" dan "Berhenti Pemeriksaan Polis" dan di antara kedua-dua papan tanda tersebut ada lampu kon polis. Semua peralatan dalam keadaan baik. Lampu blicker menyala dengan terang dan boleh nampak dari jauh. Susunan sekatan jalan raya ini merujuk kepada IGSO (Arahan Tetap Ketua Polis).

SP5 menyatakan nampak kemalangan berlaku dengan pantas, bila mana sebuah kereta yang datang dari arah kanan dengan laju menghala ke sekatan jalan raya yang didirikan.

SP5 juga dapat mendengar kesan brek dan dapat melihat cahaya lampu dari kereta yang datang dengan begitu cepat dan melanggar papan tanda kon dan melanggar kereta Kia putih di sebelah belakang kiri.

SP5 telah mengenal pasti kenderaan jenis Honda warna maroon dan mengecam tertuduh di mahkamah.

6. SP6 (Pegawai yang menjalankan ujian pernafasan)

Pada 24 Jun 2010, lebih kurang jam 6.15 pagi, SP6 telah terima arahan daripada SP13 (pegawai penyiasat kes) untuk menjalankan ujian pernafasan terhadap seorang lelaki India yang terlibat dalam kemalangan.

Tertuduh telah dicamkan. SP6 telah membawa tertuduh ke pejabat pegawai penyiasat dan menjalankan ujian S-D2 yang merupakan ujian saringan sahaja.

Seterusnya SP6 telah menjalankan ujian Evidential Breath Analyzers (EBA-II) bagi mendapatkan keputusan muktamad.

SP6 telah menerangkan prosedur yang perlu dipatuhi oleh tertuduh dan SP6 telah mendapat kerjasama daripada tertuduh.

Alat tersebut telah dikaliberasi dan kali terakhir dikaliberasi adalah pada 21 Disember 2009 dan mempunyai jangka hayat kaliberasi selama satu tahun.

Sijil Perakuan juga dikemukakan dan ditanda sebagai eks. P14.

Rekod Ujian Hembusan S-D2+ ditanda sebagai eks. P13 dan Ujian EBA-II ditanda sebagai eks. P15.

7. SP7 (Pegawai Perubatan - Bedah Siasat)

Beliau telah mengecam si mati melalui gambar. Hasil bedah siasat mendapati si mati meninggal dunia akibat "severe intra abdominal injury due to motor vehicle accident". Keputusan ini adalah berdasarkan "internal examination".

8. SP8 (Dr Osman bin Zakaria)

Beliau telah mengesahkan alat EBA-II yang digunakan oleh SP6 telah dijalankan ujian penentu ukuran dan juga mengesahkan sijil kelayakan penggunaan alat EBA-II tersebut.

9. SP9, SP10 dan SP11 (Jurufoto)

Kesemua saksi ini dapat mengecam gambar yang dirakamkan oleh mereka.

10. SP12 (Penyelia Puspakom)

Beliau mengenal pasti laporan Puspakom yang dibuat oleh pemeriksa kenderaan Encik Harsid, namun Encik Harsid telah gagal dikesan. Pihak pendakwaan telah memasukkan dokumen itu melalui SP13 dengan mengguna pakai s. 32 Akta Keterangan 1950

11. SP13 (Pegawai Penyiasat Kes)

Beliau menyediakan rajah kasar, dan telah membuat laporan tangkapan dan telah cam tertuduh di mahkamah.

Eksibit P3, P13, P15 dan P22 telah dikenal pasti oleh saksi ini. Beliau juga telah cam gambar di tempat kejadian, kenderaan dan si mati. Hasil siasatan beliau mendapati tertuduh telah memandu kenderaan WFE 2710 dalam pengaruh alkohol yang menyebabkan kemalangan, kecederaan dan kematian.

Keterangan Di Peringkat Pembelaan

[5] Keterangan Bersumpah Tertuduh

Tertuduh telah keluar bersama kawan-kawan (SD2, SD3 dan SD4) untuk menonton piala dunia secara langsung di skrin besar di Upper Penang Road.

Tertuduh telah minum bir dan selepas itu pergi makan di Restoran Nasi Kandar Beratur di Jalan Masjid Kapitan Keling.

Tertuduh telah menerangkan jalan yang dilalui oleh beliau selepas selesai makan sehingga ke tempat kejadian.

Tertuduh menafikan beliau di dalam keadaan mabuk dan menyatakan beliau tahu apa yang dilakukannya. Tertuduh telah cuba brek tetapi tiada tindak balas dan tertuduh telah juga mengambil tindakan untuk memberhentikan keretanya.

Tertuduh menafikan apabila keluar kereta beliau jalan bergoyang-goyang dan menafikan beliau di dalam keadaan menggigil.

Tertuduh mengakui beliau adalah pemandu Honda Civic WFE 2710 semasa kemalangan berlaku.

Tertuduh mengakui ada menjalani ujian pernafasan bagi mengesan kadar alkohol dalam darahnya.

Keterangan Saksi-saksi Pembelaan

[6] Secara ringkasnya SD2, SD3 dan SD4 adalah penumpang dalam kereta yang dipandu tertuduh dan juga merupakan rakan kepada tertuduh. Keterangan mereka adalah hampir sama di mana semua menafikan tertuduh memandu dalam keadaan mabuk dan juga menafikan tertuduh gagal mengawal kenderaannya akibat pemanduan di bawah pengaruh alkohol dan saksi SD2 sebagai tambahan menyatakan "tertuduh nak ke tandas."

Keputusan Mahkamah Majistret Di Akhir Kes Pembelaan

[7] Mahkamah Majistret mendapati pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Sebaliknya, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah ke atas tertuduh, seperti mana yang dinyatakan di dalam alasan penghakimannya di ms. 9 hingga 52 rekod rayuan jld I.

Pandangan Mahkamah Tinggi

[8] Pada peringkat ini, saya ingin menghuraikan kes pendakwaan dan pembelaan secara ringkas sebagai panduan di dalam mencapai keputusan. Di antara perkara-perkara penting yang ingin disentuh oleh mahkamah ini di antara lainnya adalah seperti berikut:

1. Selain daripada s. 44(1)(a) APJ 333/87 mahkamah ini juga telah meneliti peruntukan-peruntukan di bawah seksyen-seksyen kesalahan yang lain seperti s. 43 dan s. 41 APJ 1987 bagi melihat sama ada seksyen-seksyen ini memenuhi elemen-elemen kesalahan sepertimana pertuduhan. Namun satelah diperhalusi keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan, mahkamah ini mendapati bahawa sabitan ke atas perayu di bawah s. 44(1)(a) APJ 1987 nyata menepati dengan keterangan yang telah dibuktikan oleh pihak responden dan mahkamah ini tidak berhasrat sama sekali untuk mengganggu keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Majistret kerana saya mendapati tiada kekhilafan yang berlaku sama ada dari sudut perundangan ataupun dapatan fakta yang telah dicapai melalui perincian keterangan yang telah dibuat oleh Mahkamah Majistret.

2. Persoalan utama yang berbangkit adalah sama ada perayu telah memandu motokar jenis Honda Civic No Pendaftaran WFE 2710 di jalan raya di atas pengaruh minuman yang memabukkan. Jawapan pada persoalan ini ada dinyatakan pada permulaannya oleh perayu sendiri seperti yang tertera di ms. 162 rekod rayuan bilamana perayu bersetuju yang beliau telah memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan meskipun kemudiannya semasa pemeriksaan semula perayu mengatakan pula "saya setuju saya minum tapi bukan mabuk." Keterangan selanjutnya mendedahkan bahawa Dinesh (SD4) ada membuat pesanan lima botol bir kecil dan selepas habis meminumnya perayu membeli satu lagi bucket minuman bir ini.

   Adalah sesuatu yang tidak dipertikaikan bahawa bir ini adalah sejenis minuman yang memabukkan dan daripada keterangan yang akan dihuraikan kelak, adalah nyata bahawa perayu sememangnya berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan.

   Keterangan tentang fakta ini disebut sendiri oleh SD4 seperti yang tertera di ms. 206 para C - D rekod rayuan jld 2:

   DPP : You are under influence of alcohol after taking beer?

   A : Yes

   DPP : You and Sudarshan was under influence?

   A : Yes, all of us.

   Keterangan ini diperkukuhkan lagi oleh keterangan SP6 yang menghidu bau alkohol keluar dari mulut perayu serta hasil ujian nafas tapisan yang telah dijalankan oleh SP6.

   Mengikut SP6 di ms. 95 rekod rayuan jld 1, beliau mengatakan:

   SP6 : Saya bawa OKT ke Pejabat Pegawai Penyiasat untuk jalankan ujian SD2+.
   SD2+ - merupakan ujian awalan.
   Alat ini kesan alkohol dari OKT iaitu ujian saringan (Screening Device).

DPP : Kenapa jalankan?

SP6 : EBA-II digunakan untuk dapat keputusan muktamad ketepatan lebih. Pohon rujuk report. Pada jam 6.24 pagi 24.6.2010, saya jalankan ujian pernafasan dengan menggunakan alat SD2+. Sebelum dijalankan ujian ada diberitahu prosedur kepada OKT. Diberitahu oleh saya. Prosedur pertama, OKT ada kandungan atau bau alkohol. Kedua tiup nafas berpanjangan sehingga bunyi 2 beep pada alat SD2+, di peringkat saringan awal itu sahaja. Diakui faham oleh tertuduh. OKT telah bekerjasama. Di mana hasil ujian dapati bacaan 87 mg/100ml. Hasil ujian didapati dari SD2+ melalui print out system melalui alat itu sendiri. Hasil ujian diberitahu dan diterangkan kepada OKT. Jadi kewajipan untuk orang buat ujian tandatangan pada slip tersebut. SD2+ tidak perlu ditandatangani oleh OKT.

DPP : Pohon saksi dirujuk dengan slip ujian nafas SD2+

SP6 : Benar, Ada tandatangan saya bertarikh 24.6.2010.
Rekod Ujian Nafas - P13
SD2+.

DPP : Setelah ujian SD2+, tunjuk lebih dikatakan akan jalani ujian EBA-II?

SP6 : Sebelum ujian EBA-II dijalankan saya terangkan prosedur-prosedur yang dijalankan oleh OKT. Soalan-soalan ditanyakan, tarikh akhir minum, rokok, makan. Kedua dari segi kesihatan. Ketiga adalah jadi amalan minum alkohol. Prosedur kedua, saya pohon OKT beri 2 specimen nafas. OKT faham. Pada pukul 6.26 pagi pada 24.6.2010, saya jalani ujian pernafasan terhadap OKT, gunakan alat EBA-II di bawah seksyen 45A APJ 1987. Ujian EBA-II dijalankan di pejabat penguatkuasa tingkat 1, IPD Timur Laut, Bilik Pegawai Penyiasat di tingkat bawah.

3. Peguam perayu telah membangkitkan penghujahan bahawa peralatan EBA-II yang digunakan oleh SP8 ini tiada "lawful authorisation". Maka oleh itu adalah dihujahkan bahawa pihak responden telah gagal melaksanakan beban pembuktiannya.

Setelah diteliti, mahkamah ini mendapati isu berkaitan tiada "lawful authorisation" tidak dibangkitkan oleh perayu di dalam petisyen rayuannya.Sewajarnya penghujahan ini ditolak. Namun untuk sekadar memberi jawapan kepada persoalan ini agar keadilan didengari, secara perundangannya dapatlah saya katakan bahawa meskipun tiada keterangan bahawa peralatan yang diguna pakai ini telah mendapat 'lawful authorisation' namun ia tidak sedikitpun mencacatkan atau meruntuhkan keterangan kes responden kerana elemen 'lawful

authorisation' atas peralatan yang digunakan oleh SP8 ini bukanlah merupakan intipati pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pihak responden.

4. Seterusnya, keterangan yang dibangkitkan oleh perayu bahawa tiada terdapat peralatan sekatan jalan raya seperti lampu blinker, papan tanda isyarat sekatan adalah sesuatu yang bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan oleh pihak responden. SP2, SP4 dan SP5 telah memberikan keterangan berkaitan penyusunan peralatan di dalam rajah di P2. Mengikut SP4 di muka surat 75 para C - D, semasa pemeriksaan balas oleh peguam perayu, SP4 menyatakan seperti berikut:-

SP4 : Kon polis 10, papan road-block 2 - satu tulis "awas sekatan polis". Satu lagi 'berhenti pemeriksaan polis" 2 lampu beep. 1 dekat papan road-block awas sekatan polis. Sebelum papan - ada lampu beep yang first. Lampu beep kedua diletakkan di "berhenti pemeriksaan polis".

PB : Lampu beep diletakkan sebelum papan?

SP4 : Diletakkan di atas kon. Sebelum papan itu diletakkan lampu.

5. Malah sekatan yang dibuat ini boleh dilihat dari jarak 200 meter lagi. Namun oleh kerana perayu dipengaruhi oleh pengaruh minuman yang memabukkan dan memandu kenderaannya dengan ini maka pastilah ianya akan menyebabkan beliau hilang kawalan dengan sempurna. Jika kenderaan-kenderaan lain mampu berhenti dengan sempurna di sekatan jalan raya tersebut, maka tiada sebab untuk perayu tidak boleh berbuat demikian. Alasan yang diberikan oleh SD2 dan SD3 bahawa kenderaan dipandu dengan laju adalah kerana perayu mengadu sakit perut dan ingin ke tandas adalah sesuatu yang sukar diterima oleh mahkamah ini.

6. Keanehan timbul apabila perayu sendiri di dalam pembelaannya tidak membangkitkan perkara ini, tetapi sebaliknya dibangkitkan pula oleh SD2 dan SD3 yang saya percaya cuba mencari-cari alasan pembelaan baru selain daripada apa yang telah 'ditinggalkan' oleh perayu. Saya percaya keterangan berkaitan perayu hendak ke tandas ini adalah suatu keterangan yang sengaja direka-reka oleh saksi-saksi perayu yang berkepentingan, semata-mata untuk menyelamatkan perayu daripada disabitkan di atas kesalahan ini.

7. Malah kelakuan perayu selepas kemalangan memperkuatkan keyakinan saya bahawa beliau sememangnya berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan ini. Ini jelas dapat dilihat dari keterangan SP5 yang mengatakan bahawa selepas sahaja pelanggaran, SP5 bertanya kepada perayu "apa pasal bawa laju" dan jawapan perayu sebanyak dua kali adalah "saya tidak tahu". Semasa menjawab soalan tersebut, SP5

menyedari bau alkohol dari mulut perayu. Perayu juga dilihat berjalan di dalam keadaan yang bergoyang-goyang. Keterangan ini jika diteliti secara menyeluruh jelas membuktikan bahawa perayu pada ketika itu berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan dan bukan kerana faktor-faktor yang lain. Inilah punca sebenar yang membawa kepada tragedi ini.

8. Persoalan yang selanjutnya adalah sama ada benarkah seperti yang dihujahkan oleh peguam perayu bahawa perayu boleh mengawal kenderaannya meskipun dalam keadaan perayu telah dipengaruhi oleh minuman yang memabukkan itu. Jawapannya pastilah TIDAK. Ketidakupayaannya untuk mengawal motokar yang dipandunya dengan laju akibat berada di bawah pengaruh minuman itulah yang pada akhirnya menyebabkan kematian M Muniandy a/l S Muthu dan kecederaan serius kepada Raja Rosasnizam bin Roslan @ Raja Roslan (SP4). Kelajuannya yang tidak terkawal ini nyata boleh dilihat secara jelas dari kerosakan pada motokar Honda Civic tersebut, kerosakan pada motosikal si mati, kerosakan pada motokar Naza Forte serta kematian si mati yang disebabkan oleh "severe internal abdominal injuries due to motor vehicles accident". Begitu juga kecederaan teruk yang dialami oleh Raja Rosasnizam bin Roslan @ Raja Roslan (SP4) sudah cukup untuk membuktikan elemen kesalahan.

9. Peguam perayu berhujah bahawa perayu mampu memandu kenderaannya sebaik-baik sahaja berlepas dari Restoran Nasi Beratur sebelum kemalangan ini berlaku. Maka oleh itu perayu tidak mungkin berada di bawah pengaruh minuman tersebut. Pada pandangan saya, inferensi daripada keterangan adalah berkemungkinan pada peringkat permulaan pemanduan kenderaan masih boleh dikawal, namun tidak lama selepas itu akibat daripada tindak balas pengaruh minuman memabukkan itu maka kawalan ke atas kenderaan kini menjadi semakin longgar dan akhirnya perayu hilang kawalannya sama sekali. Saya yakin tanpa ragu-ragu, inilah apa yang berlaku.

[9] Berdasarkan pada beberapa alasan di atas, tiada sebab untuk mahkamah ini mengganggu keputusan Mahkamah Majistret tersebut. Penilaian mendalam dari sudut undang-undang dan fakta telah dibuat oleh Mahkamah Majistret atas keterangan yang telah dikemukakan. Malah peluang melihat dan mendengar saksi-saksi responden dan pembelaan memberi keterangan sudah memadai untuk mahkamah di peringkat rayuan ini menerima alasan keputusan tersebut. Nyata perayu telah gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan ke atas kes responden.

[10] Oleh yang demikian, sabitan terhadap perayu di atas pertuduhan pindaan tersebut dengan ini dikekalkan. Rayuan perayu atas sabitan ditolak.

Keputusan Atas Hukuman

[11] Perayu bernasib baik kerana pihak responden tidak memfailkan rayuan balas di atas hukuman. Walau bagaimanapun pada hakikatnya, ini tidak menghalang mahkamah di peringkat rayuan ini untuk menaikkan atau meninggikan hukuman jika difikirkan wajar.

[12] Namun, mahkamah ini memberi pertimbangan jua bahawa perayu masih lagi muda dan kini baru berusia 31 tahun. Hukuman penjara yang terlalu panjang akan hanya mendatangkan kesan yang negatif pada masa hadapan beliau. Tambahan lagi perayu juga mempunyai ibu-bapa dan isteri yang memerlukan beliau dan begitulah sebaliknya. Apatah lagi kesalahan ini merupakan kesalahan pertama beliau dan ini seharusnya diberi pertimbangan seadil-adilnya. Namun begitu mahkamah ini tidak akan terlepas pandang dari hakikat bahawa memandu kenderaan di jalan raya di atas pengaruh minuman yang memabukkan ini adalah satu kesalahan yang serius sepertimana yang berlaku di dalam kes ini.

[13] Namun begitu, jika diteliti secara menyeluruh segala aspek rayuan atas hukuman ini, maka mahkamah ini mendapati hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Majistret adalah berpadanan sebagai peringatan dan pengajaran di atas kesalahan yang telah dilakukannya. Oleh itu mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengubahnya.

[14] Rayuan perayu atas hukuman dengan ini ditolak. Keputusan Mahkamah Majistret atas hukuman dikekalkan. Hukuman penjara selama empat tahun berkuat kuasa dari tarikh hari ini.

[15] Walau bagaimanapun perayu telah memohon untuk penangguhan perlaksanaan hukuman penjara ini sementara menunggu untuk mendapat kebenaran merayu di Mahkamah Rayuan. Permohonan perayu ini dibenarkan.